

30 NOV 1996

LIMOS 96

MALAYSIA PUSAT INDUSTRI MOTOR DI ASIA PASIFIK (Bergambar)

LANGKAWI, 30 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perkembangan terbaru dalam industri kereta negara seperti pembelian syarikat Lotus oleh DRB-Hicom dan penganjuran kejohanan Formula 1 di Malaysia pada tahun 1999 menunjukkan kesungguhan negara dalam memajukan industri motor.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa menggalakkan pertumbuhan industri motor dan akan melakukan apa sahaja untuk memastikan pemindahan teknologi dalam bidang itu.

"Kita mahu Malaysia muncul sebagai sebuah pusat pembuat kereta antarabangsa yang mengeluarkan teknologi dan reka bentuk terbaru di rantau Asia Pasifik," kata beliau dalam perutusan pada buku cenderamata Pameran Kereta Antarabangsa Langkawi (Limos 96) yang dikeluarkan kepada media di sini, hari ini.

Mengenai Limos, Dr Mahathir berkata beliau berharap agar pameran itu akan dimasukkan dalam senarai acara pertunjukan kereta di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif syarikat Le Proton Exhibition Services, Datuk Mohd Radzi Manan berkata, LIMOS '96 ialah satu bentuk sokongan daripada sektor swasta terhadap usaha kerajaan untuk memajukan industri automobil negara.

"Kami berharap agar Limos 96 bukan sahaja menjadi medan tempat memperdagangkan kereta, tetapi kami mahu menjadikannya sebuah tempat yang mana perjanjian kerjasama, usaha sama dan pemindahan teknologi di meterai antara pengusaha antarabangsa dan tempatan.

Beliau bagaimanapun tidak menjelaskan mengenai sama ada sebarang memorandum persefahaman (MoU) atau perjanjian akan dimeterai pada pameran selama 10 hari itu.

Radzi berkata sejumlah 210 kenderaan seperti kereta mewah dan yang jarang dilihat, bas, motosikal, aksesori dan jenama bahan bakar akan dipamerkan oleh 86 syarikat termasuk dari Jerman, Perancis, Australia, Korea, Amerika Syarikat, Singapura dan Britain.

Antara syarikat terkemuka yang mengambil bahagian ialah Opel, Porsche, Nissan, Honda, General Motors dan Lotus.

Limos 96 dilangsungkan di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok. --

BERNAMA

MT MZ PR